

Headline	Johor minat sertai Liga Hoki Malaysia tahun depan		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	18 Oct 2016	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	60
Section	Sukan	Journalist	AHMAD SYAFIQ
ArticleSize	268 cm²		
PR Value	RM 20,945		



Johor minat sertai Liga Hoki Malaysia tahun depan

Oleh AHMAD ISYAFIQ MAD. DESA

PERSATUAN Hoki Johor dijangka memperkenalkan sebuah kelab mewakili negeri tersebut dalam kejohanan hoki tempatan dan antarabangsa sebelum kejohanan Liga Hoki Malaysia (MHL) berlangsung pada Februari tahun depan.

Presidennya, Datuk Md. Jais Sarday berkata, persatuan tersebut, sudah mempunyai senarai 40 pemain untuk diserap ke dalam kelab tersebut, sekali gus membentuk sebuah pasukan hoki.

Katanya, kesemua pemain dipilih melalui kejohanan Liga Hoki Johor terdiri daripada pemain yang berusia antara 17 hingga 18 tahun menyasarkan kejohanan dalam kategori bawah 21 tahun.

"Untuk kejohanan MHL akan datang Johor mungkin menghantar wakil mewakili kelab di bawah Persatuan Hoki Johor.

"Kita belum mempunyai sebarang nama untuk kelab, namun kita mempunyai 40 pemain yang mungkin diserap ke dalam kelab sebelum MHL berlangsung pada Februari depan," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran dan

penyerahan replika cek kejohanan Hoki Antarabangsa Bawah 21 Tahun (B-21) Piala Sultan Johor 2016 kali ke-6 di Johor Bahru semalam.

Majlis itu disempurnakan oleh Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim sebagai wakil rasmi Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar. Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Pengurusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Zulkurnain Kamisan.

Menurut Md. Jais yang juga Pengurusi Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, persatuan turut menawarkan pemain hoki profesional untuk bersama-sama dengan kelab

berkenaan.

"Sekiranya ada pemain hoki profesional di luar sana mahu bersama dengan kita, pihak persatuan amat mengalu-alukan kedatangan mereka. Namun, ia pasti melibatkan perbincangan lanjut terutama isu bayaran," katanya.

Sementara itu, kejohanan Hoki Antarabangsa B-21 Piala Sultan Johor 2016 menyaksikan penyertaan enam buah negara iaitu Malaysia, England, New Zealand, Pakistan, Jepun dan Australia yang bakal berentap bermula 31 Oktober hingga 6 November depan di Stadium Hoki Taman Daya, Johor Bahru.

Kejohanan itu menerima tajaan RM1.41 juta daripada kerajaan negeri (RM500,000), Astaka Padu (RM200,000), Tenaga Nasional Berhad, Johor Corp, UMLand, Yayasan Harmoni, JBB Builder masing-masing menyumbang RM100,000.

Selain itu, Iskandar Waterfront, UniKL, SAJ Holdings Berhad dan Malakoff masing-masing menaja sebanyak RM50,000 serta BCB Berhad sebanyak RM10,000.



TUNKU IDRIS ISKANDAR (kanan) melihat trofi kejohanan Hoki Antarabangsa B-21 Piala Sultan Johor pada majlis penyerahan tajaan di Johor Bahru semalam.